

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 26 OGOS 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

## Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dapat kelulusan Kabinet

### Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dapat kelulusan Kabinet

**PETALING JAYA** – Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah mendapat kelulusan secara prinsip daripada Kabinet.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pendekatannya bagaimanapun perlu melalui pel-

bagai proses termasuk memba-bitkan pihak berkepentingan.

"Menyelesaikan gaji rendah siswazah anak muda dan rakyat keseluruhan adalah salah satu fokus besar Kerajaan Perpaduan.

"Kita akan teruskan usaha perbincangan dan libat urus bersama pihak berkepentingan

untuk pastikan gaji rakyat dapat dipulihkan dan pengagihan gaji yang lebih seimbang," katanya dalam satu hantaran di Facebook semalam.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, usaha itu bukan sekadar untuk memastikan rakyat tidak terbeban dengan kos sara hidup,

tetapi turut mengiktiraf sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri sebelum ini memaklumkan, Kabinet akan membincangkan Dasar Gaji Progresif bagi memperhalusi pelaksanaannya secara berperingkat.

Anwar dipetik berkata, ia juga

bagi meneroka keperluan memperuntukkan dana sebagai insentif dasar yang akan ditentukan mengikut kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

Jelas beliau, Dasar gaji progresif adalah bersifat sukarela, berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti.